

**Hadiah istimewa
buat ayahanda**

Oleh ZUARIDA MOHYIN

Gambar WAHIDAH ZAINAL

“**A** LANGKAH baiknya jika terdapat sebuah al-Quran yang dapat memberi panduan untuk seseorang itu memberhentikan bacaan (wakaf) dan memulakan bacaan (ibtida') pada ayat-ayat yang panjang yang tidak terdapat tanda-tanda wakaf.”

Itulah luahan rasa yang menjadi cetusan idea pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Abd. Rauf Hassan lewat solat Subuh, kira-kira tiga tahun lalu.

Malah ilham itulah yang telah membawa kepada terhasilnya *Al-Quran al-Karim dengan Panduan Wakaf dan Ibtida'* yang dijangka berada di pasaran awal Julai ini.

Uniknya lagi, *Al-Quran al-Karim dengan Panduan Waqaf dan Ibtida'* itu juga merupakan al-Quran yang pertama diterbitkan di Malaysia malah ia merupakan al-Quran yang pertama seumpamanya di dunia.

Tegas Dr. Abd. Rauf, belum terdapat penerbitan seperti itu sebelum ini, sama ada di dunia Arab mahupun di Nusantara.

Malah akui, anak kepada pakar ilmu tajwid dan tarannum terkemuka, Tan Sri Hassan Azhari itu, fikirannya terus melayang

memikirkan idea tersebut sepanjang hari itu.

“Sewaktu dalam kereta ke tempat kerja, saya mula membayangkan satu sistem warna yang mudah dan menarik yang dapat memberikan panduan kepada pembaca al-Quran dalam waqaf dan ibtida’.

“Kemudian saya mula mereka dan mencipta menggunakan tiga warna dan saya letakkan dalam al-Quran bagi 20 ayat dalam surah al-Baqarah.

“Keesokan harinya, saya terus bertemu dengan ayahanda dan berbincang dengannya mengenai idea saya. Pada mulanya, beliau kurang bersetuju atas beberapa perkara,” cerita Dr. Abd. Rauf.

Pertama alasan beliau ialah waqaf dan ibtida itu merupakan satu cabang dalam ilmu tajwid yang paling susah dan sukar untuk dikuasai.

“Maka seseorang itu bukan sahaja perlu mahir dalam ilmu tajwid tetapi yang penting, dia perlu faham nahu dan kaedah bahasa Arab dengan baik.

“Setelah saya menjelaskan kepada ayahanda beberapa perkara dia bersetuju dengan syarat al-Quran yang telah sempurna siap itu perlu terlebih dahulu disemak oleh Al-Syeikh Mahmud Amin Tantawi yang merupakan mantan pengerusi lajnah tashih al-Quran Mesir,” kata Dr. Abd. Rauf ketika ditemui pada undangan jemputan percetakan *Al-Quran al-Karim dengan Panduan waqaf dan Ibtida’* di kilang percetakan Times Offset di Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

Faktor yang membuatnya bersungguh-sungguh merealisasikan hasrat yang bertahun dipendamkan itu ialah ekoran masalah penguasaan bahasa Arab di kalangan umat Islam negara ini.

Lantaran itu, usaha digembungkan bersama pihak Telaga Biru Sdn. Bhd., dengan harapan dapat membantu mereka yang tidak faham bahasa Arab dapat membaca al-Quran dengan betul. Terutama berhenti dan menyambung semula bacaan di tempat yang sepatutnya.

“Sesungguhnya dalam al-Quran tidak terdapat tempat waqaf (berhenti) yang wajib yang membuatkan seseorang itu berdosa jika tidak berhenti dan juga tidak terdapat tempat yang haram waqaf yang menyebabkan seseorang itu berdosa jika ia berhenti.

“Namun, sekiranya ayat itu akan rosak maknanya jika kita berhenti, maka wajib kita meneruskan bacaan tersebut. Begitu juga jika sesuatu ayat itu akan rosak maknanya jika kita tidak berhenti, maka

Ini adalah satu hadiah istimewa buat ayahanda yang telah membesarkan saya dan memberi pelajaran yang sempurna kepada saya.

wajib kita berhenti bacaan (waqaf).


“Di sinilah, timbulnya kewajipan individu itu untuk bukan sahaja perlu memahami hukum hakam dalam ilmu tajwid, bahkan ia juga perlu mempelajari dan memahami al-Quran agar ia dapat memberhentikan bacaan dan menyambungkan bacaan pada tempat yang betul dan sesuai tanpa merosakkan maknanya,” ujar Dr. Abd. Rauf.

Surah al-Muzzammil ayat 4 yang bermaksud: *Bacalah kamu al-Quran dengan bacaan tartil*. Dr. Abd. Rauf, para ulama menjelaskan tartil di sini bermaksud bertajwid, manakala Imam Ali Karramallahu Wajhah menjelaskan bahawa maksud tartil itu ialah mengetahui tajwid dan memahami waqaf.

“Oleh itu kesempurnaan dalam bacaan al-Quran bukan sahaja terletak pada sebutan huruf yang tepat, mengetahui panjang dan pendek dalam sesuatu ayat, membaca tebal dan nipis dalam sesuatu huruf.


“Tetapi juga yang paling penting dalam kesempurnaan sesuatu bacaan al-Quran ialah mengetahui tempat berhenti (waqaf) dan tempat memulakan sambungan (ibtida’) yang betul,” jelas beliau lagi.

Pada masa sama, Dr. Abd. Rauf tidak menafikan dalam al-Quran yang sedia



HASSAN Azhari (tiga dari kanan) dan Dr. Abd. Rauf diberi penerangan mengenai proses

GABUNGAN kepakaran dan pengalaman dua beranak ini, Hassan Azhari (kiri) dan Dr. Abd. Rauf Tan Sri Hassan diterjemahkan melalui penerbitan *Al-Quran al-Karim dengan Panduan Wakaf dan Ibtida'*.





(DEPAN dari kiri) Dr. Abd. Raufi Hassan, Hassan Azhari, Pengarah Urusan Telaga Biru Sdn. Bhd., Dr. Zahazan Mohamed dan Subhi Ba'i selepas lawatan ke kilang percetakan Times Offset, Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

ada telah terdapat tanda-tanda waqaf yang sempurna. Namun persoalannya, bagaimana dengan ayat-ayat yang panjang yang sememangnya seseorang pembaca itu tidak sampai untuk berhenti dalam satu nafas dan ia perlu memilih sendiri untuk berhenti.

Nafas pendek

“Di sinilah persoalannya. Adakah tempat yang kita berhenti itu dianggap elok dan tidak merosakkan makna? Ini permasalahan yang saya kira dihadapi oleh umat Islam di Malaysia. Apabila seseorang itu membaca di hadapan guru atau ustaz, ia akan bertanya ‘nak berhenti di mana ustaz?’ Begitu juga apabila setelah berhenti (waqaf) ia akan bertanya ‘nak mula dekat mana ustaz?’

“Maka, saya telah mengambil pendekatan warna. Pada ayat-ayat panjang yang tidak terdapat tanda waqaf, saya letakkan tiga warna, iaitu merah, hijau dan biru. Bagi warna merah, seseorang itu boleh berhenti pada akhir ayat yang berwarna merah dan memulakan ayat pada awal perkataan yang berwarna merah. Begitu juga dengan warna hijau di mana seseorang itu boleh berhenti pada akhir perkataan yang berwarna hijau dan

memulakan bacaan pada awal perkataan yang berwarna hijau.

“Manakala warna biru pula seseorang itu boleh berhenti pada perkataan yang berwarna biru dan memulakan bacaan pada perkataan selepasnya tanpa mengulang kembali perkataan yang berwarna biru,” ulas Dr. Abd. Rauf.

Mengenai harapannya, Dr. Abd. Rauf berharap usaha itu dapat membantu masyarakat Islam di Malaysia, khasnya dan masyarakat dunia amnya membaca al-Quran dengan sempurna.

Katanya, memberhentikan bacaan dengan sempurna diterima oleh Allah SWT sebagai satu usaha murni dan diberkati.

“Saya juga mengharap ini adalah satu hadiah istimewa buat ayahanda yang telah membesarkan saya dan memberi pelajaran yang sempurna kepada saya. Apa lagi, kita masih dalam suasana meraikan sambutan Hari Bapa.

“Saya juga mengharap agar al-Quran dengan panduan waqaf dan ibtida’ yang pertama di dunia ini boleh diguna pakai bukan sahaja di Malaysia, malah di Nusantara termasuk Indonesia, Singapura, Brunei, Thailand dan di seluruh pelosok dunia seperti Pakistan, Bangladesh, Amerika Syarikat dan negara-negara di Eropah,” katanya.

Sempat khatam lebih lima kali

APABILA membicarakan mengenai cabaran, Prof. Madya Dr. Abd. Rauf Tan Sri Hassan tidak menafikan bahawa *Al-Quran al-Karim dengan Panduan Wakaf dan Ibtida’* ini merupakan cabarannya yang paling sukar.

Ini kerana al-Quran itu merupakan yang pertama di dunia, apatah lagi beliau tidak mempunyai contoh untuk dijadikan rujukan.

“Oleh itu, saya membuat penyelidikan hampir tiga tahun bermula tahun 2009/2010 dengan memahami dan membaca buku-buku yang berkaitan dengan waqaf dan ibtida’ yang kesemuanya dalam bahasa Arab.

“Selain itu, saya membuat testimoni terhadap rakan-rakan dengan menilai contoh yang diberikan. Saya juga meneliti bacaan-bacaan daripada qari terkenal antaranya Sheikh Mahmud

Khalil Husari (qari Mesir), Al-Syeikh al-Minsyawi (Mesir) dan Al-Sheikh Mustafa Ismail (Mesir).


“Hasil daripada bacaan buku dan penelitian terhadap bacaan ayat-ayat suci al-Quran, maka saya garapkan dalam bentuk warna dan saya letakkan dalam al-Quran,” jelasnya.

Kemudian, barulah beliau melakukan perbincangan dan muzakarah bersama ayahanda beliau untuk menilai kembali hasil kerja sama ada boleh diterima atau tidak.

“Seingatnya,, saya telah melakukan rombakan waqaf dan ibtida’ yang telah siap sepenuhnya dalam al-Quran sebanyak lima kali setelah berbincang dengan ayahanda. Kalau nak ikutkan waktu membuat al-Quran waqaf dan ibtida’ ini, saya khatam sebanyak enam atau tujuh kali sekurang-kurangnya,” katanya sambil mengukir senyuman.

Ciri-Ciri, keistimewaan dan kelainan

- Tanda-tanda waqaf dalam teks al-Quran ini memenuhi kriteria kedudukan tanda-tanda waqaf terkini sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran keluaran Arab Saudi walaupun menggunakan tipografi (bentuk tulisan atau khat) lama. Apatah lagi tipografi ini sudah sinonim dengan masyarakat Malaysia. Lagipun tipografi ini lebih tebal dan senang dilihat oleh orang-orang tua dan mereka yang mengalami masalah penglihatan.
- Pada bahagian permulaan dan akhir al-Quran ini, diberi penerangan setiap tajuk dalam bahasa Melayu tulisan Rumi. Pihak kami tidak menafikan tulisan Jawi yang telah lama digunakan dalam mushaf al-Quran sejak zaman berzaman, tetapi tulisan Rumi lebih dekat dengan masyarakat Malaysia pada masa kini.
- Terdapat awal bacaan ayat berikutnya di bahagian bawah sebelah kiri. Ini memudahkan bagi penghafaz-penghafaz al-Quran menyambung ayat seterusnya tanpa perlu tunggu lebih lama untuk membelek helaian seterusnya.
- Menyatakan tempat bacaan Riwayat Hafs Tariq Syatibi pada ayat-ayat tertentu sekiranya ada. Ia ditulis di bahagian tepi sebagaimana hizib ditulis. Maklumat sebegini amat penting kepada pembaca mengetahui cara bacaan yang diamalkan di Malaysia.
- Disertakan gambar rajah Makhraj-makhraj Huruf Hijaiyah pada bahagian permulaan supaya pembaca dapat mengetahui cara menyebutnya dengan betul. Cuma, penerangannya tidak dinyatakan secara terperinci. Cukup sekadar menyatakan pembahagian huruf-huruf tersebut.
- Dilampirkan dengan Doa Membaca dan Khatam al-Quran serta sumbernya. Setiap baris doa ini dinyatakan maksudnya dalam bahasa Melayu satu persatu supaya pembaca lebih memahami maksud doa tersebut.
- Pada bahagian akhir, dimasukkan penerangan berkenaan dengan Pengenalan Mushaf Rasam Uthmani, Istilah-istilah dan Tanda-Tanda dalam al-Quran, Riwayat Hafs Tariq Syatibi dan Fihris Surah. Semua penerangan tentang tajuk-tajuk ini dalam bahasa Melayu tulisan Rumi.
- Diselitkan dengan Asma'ullah al-Husna (99 nama-nama Allah yang baik) serta maksudnya pada bahagian permulaan dan akhir al-Quran ini supaya nama-nama Allah ini sentiasa disebut dan lebih dekat di hati pembaca.
- Reka bentuk yang direka khas untuk tampak lebih menarik dan eksklusif dan terdapat dalam dua warna iaitu warna emas dan biru. Ini memberi pilihan warna kepada pembaca yang meminati warna-warna tersebut.
- Digarap dengan saiz besar (21.4cm x 29.2cm) agar ia mudah dan senang dibaca serta diolah dalam bentuk kulit keras.



- Penanda buku dan dua utas benang disediakan sebagai sisipan dan pelengkap agar ia lebih ceria dan pelbagai aksesori.

Bagi menyambut bulan Ramadan tahun ini, pihak Telaga Biru akan mengadakan jualan gudang pada 13, 14 dan 15 Julai 2012. Pada waktu ini, *Al-Quran al-Karim dengan Panduan Waqaf dan Ibtida'* ini akan dijual dengan harga istimewa iaitu RM50 setiap naskah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.telagabiru.net.my, www.stormreaders.com.my, facebook Telaga Biru Fan Club, atau hubungi 03-6275 4070.

- **Judul:** *Al-Quran al-Karim dengan Panduan Wakaf dan Ibtida'*
- **Penerbit:** Telaga Biru Sdn. Bhd.
- **Kod Produk:** TBAQ1002.
- **ISBN:** 9555056300266.
- **Harga:** RM75.00 (Harga di Malaysia)